

13/05/1999

Kelantan terus ingkar (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini memandang berat keingkaran Kerajaan Kelantan dalam usaha memulihara alam sekitar apabila membiarkan 8,860 hektar hutan di tanah tinggi Lojing, dibuka untuk kegiatan pembalakan dan pertanian.

Kegiatan itu menyebabkan peningkatan kadar mendapan dalam sistem sungai di Kelantan, yang dipercayai boleh mengancam jangka hayat Empangan Hidroelektrik Pergau, di negeri itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata mesyuarat Jemaah Menteri yang dimaklumkan hari ini, memandang berat kegiatan pembukaan tanah di kawasan itu.

"Hampir semua anggota Kabinet terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melahirkan rasa bimbang serta menganggap kegiatan pembukaan tanah itu sebagai serius.

"Sehubungan itu, saya akan menghubungi Menteri Besar Kelantan untuk mendapatkan penjelasan beliau," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Kabinet.

Pembukaan tanah di Lojing, kawasan tanah tinggi yang bersempadan dengan pusat peranginan Cameron Highlands dan Perak itu, dianggap antara paling serius di negara ini.

Kawasan itu dipenuhi hutan dara, yang sebahagian besar terletak di kawasan tinggi melebihi 1,000 meter di atas paras laut. Projek pembalakan dan pembangunan di kawasan itu dikatakan membabitkan 55 syarikat.

Law menyifatkan Kerajaan Kelantan jelas tidak mematuhi keputusan Perhutanan Negara pada 28 Disember lalu, yang bersetujuewartakan semua kawasan hutan pada ketinggian 1,000 meter sebagai kawasan perlindungan.

"Dalam mesyuarat itu, semua kerajaan negeri bersetuju keputusan berkenaan. Kerana itu, saya tidak faham kenapa Kerajaan Kelantan masih meneruskan pembukaan tanah di Lojing," katanya.

Beliau berkata, gambar terbaru menerusi satelit menunjukkan jumlah kawasan yang dibuka untuk pembangunan semakin bertambah di kawasan berkenaan.

Menurutnya, pembukaan tanah di kawasan itu terbukti mencemarkan alam sekitar apabila air di tiga sungai - Berok, Ber dan Perolak - tidak jauh dari Lojing, bertukar warna.

"Kegiatan pembukaan tanah dan pembalakan di kawasan tanah tinggi yang terlalu curam, menyebabkan tanah tidak stabil dan mudah runtuh terutama apabila hujan lebat berterusan," katanya.

(END)